

BAB

3

TRANSLITERASI BRAILLE UNTUK GOLONGAN KURANG UPAYA

*Khairulbahiyah Yaakub, Norsyuhada Shafie,
Nor Aishah P. Mosar, dan Syazwani Syamimi Mat Pauzi*

3.1 PENGENALAN

Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah mengumumkan Malaysia MADANI sebagai kerangka dasar bagi memartabatkan semula Malaysia sebagai sebuah negara yang makmur dan dihormati. Masyarakat MADANI diterjemahkan sebagai masyarakat yang beradab, menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan, serta maju dalam penguasaan ilmu pengetahuan dan teknologi. Namun, antara cabaran terbesar negara saat ini adalah bagaimana untuk melahirkan masyarakat berbudaya ilmu dan pemikiran kritikal. Maklumat dan ilmu pengetahuan menjadi elemen kritikal dalam pembentukan masyarakat yang berbudaya ilmu dan berfikir. Masyarakat yang kekurangan maklumat akan terjerumus ke lembah kejahilan dan bakal ketinggalan.

Membaca merupakan nadi serta asas kepada pengembangan ilmu pengetahuan yang kemudiannya menerokai ruang hikmah dan membentuk peribadi seseorang. Menurut Profesor Diraja Tan Sri Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas, ilmu bermaksud “ketibaan makna sesuatu ke dalam diri seseorang”. Melalui pembacaan, seseorang dapat memahami dan mempelajari hakikat ilmu. Perkembangan dunia teknologi maklumat masa kini seharusnya merangsang masyarakat untuk terus membaca,

malah memanfaatkan ketersediaan bahan bacaan dari pelbagai medium. Oleh itu, Tabiat membaca perlu dijadikan sebagai amalan pembelajaran sepanjang hayat.

Menurut Zaini Ujang (2019), dalam bukunya yang bertajuk *Membaca*, membaca ialah proses menggunakan deria untuk mengenal pasti simbol huruf bercetak, dan seterusnya menggunakan akal untuk menafsirkan makna. Bagi pembaca normal, mereka akan menggunakan manfaat mata untuk membaca. Manakala bagi golongan kelainan upaya penglihatan pula, deria sentuhan tangan digunakan untuk membaca huruf-huruf braille. Namun, beberapa kajian literatur membuktikan bahawa ketersediaan sumber bacaan bagi golongan ini masih sangat terhad (Macharia et al., 2020; Sullivan, 2006; Yurtay et al., 2015). Masalah keupayaan literasi dalam kalangan mereka mungkin akan berterusan sepanjang hayat jika tidak ditangani dengan serius (Chen et al., 2019; Oshima, 2014). Menteri Pendidikan Malaysia dalam Majlis Amanat Tahun Baharu 2023 turut menggariskan empat cabaran utama dalam mengemudi dimensi baharu pendidikan dan salah satunya adalah menyantuni murid berkeperluan pendidikan khas.

Justeru, Perpustakaan UTM menyedari akan keperluan membaca golongan murid berkeperluan khas (MBK), khususnya bagi MBK dengan kelainan upaya penglihatan. Maka, tercetuslah Projek *Transliterasi Braille #BacaCelikHati* yang bertujuan untuk menyantuni keperluan membaca MBK kelainan upaya penglihatan di Sekolah Kebangsaan Keperluan Khas Princess Elizabeth, Johor Bahru. Projek ini antara lain menyokong agenda matlamat pembangunan mampan (*sustainable development goals*-SDG) yang menekankan bahawa anak-anak kurang upaya memerlukan akses serta sokongan pembelajaran berterusan, bermula dari perkembangan awal kanak-kanak di rumah dan komuniti hingga pendidikan rendah, menengah dan pengajian tinggi. Bab ini akan menelusuri pengalaman serta amalan terbaik Perpustakaan UTM dalam mensejahterakan ekosistem membaca yang inklusif dan berterusan kepada golongan istimewa ini, dengan tekad bahawa nikmat membaca adalah milik semua. Projek ini juga bertujuan untuk memberi kesedaran kepada MBK kelainan

upaya penglihatan bahawa tabiat membaca perlu berterusan dan menjadi amalan pembelajaran sepanjang hayat.

3.2 PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

Pembelajaran sepanjang hayat merujuk kepada proses menimba ilmu secara berterusan sepanjang hayat melalui pelbagai kaedah dan sumber yang tersedia, demi memperkayakan pengetahuan dan mengembangkan bakat (Hossain, 2016; Kahlert, 2000). Dalam konteks masyarakat, pembelajaran sepanjang hayat merupakan satu proses pembelajaran seseorang secara berterusan, sama ada bagi tujuan meningkatkan kemahiran atau membangunkan kerjaya dalam sesuatu bidang pekerjaan, baik untuk masa kini mahupun masa akan datang (Albert, 2009). Pengertian pembelajaran sepanjang hayat secara lebih komprehensif telah dibincangkan oleh Longworth dan Davies (1996):

“Lifelong learning is the development of human potential through a continuously supportive process which stimulates and empowers individuals to acquire all the knowledge, values, skills, and understanding they will require throughout their lifetimes and to apply them with confidence, creativity, and enjoyment in all roles, circumstances, and environments.”

Inisiatif pembelajaran sepanjang hayat berupaya menjadi jambatan dalam proses integrasi sebelum seseorang individu memasuki dunia pendidikan sebenar dan semua golongan mempunyai hak terhadapnya (Kayhan et al., 2015). Ini termasuklah golongan kurang upaya yang memerlukan perhatian khusus. Golongan kurang upaya, atau lebih dikenali dengan istilah orang kurang upaya (OKU), secara ringkasnya ialah individu yang mengalami kekurangan fizikal atau mental. Di Malaysia, menurut Akta Orang Kurang Upaya (AOKU) 2008, golongan ini didefinisikan sebagai seseorang yang mempunyai kekurangan jangka panjang dari segi fizikal, mental, intelektual, atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh mereka dalam